

## **MESYUARAT PEGAWAI INTEGRITI BIL.1/2024**

**13 Mac 2024** - Mesyuarat Pegawai Integriti Bil.1/2024 telah diadakan di Bilik Berlian, Menara Kerja Raya. Mesyuarat yang bermula jam 9.00 pagi telah melibatkan semua Pegawai Integriti (PI) dan Penolong Pegawai Integriti (PPI) yang telah dilantik di setiap JKR Cawangan dan JKR Negeri. Mesyuarat diadakan secara hybrid dan disempurnakan oleh Ketua Bahagian Integriti, YBrs. Tuan Mohd Nizam Bin Din.

Mesyuarat Pegawai Integriti ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu integriti dalam Pengurusan projek dan perkhidmatan awam. Perlantikan PI dan PPI di semua JKR Cawangan dan JKR Negeri adalah bertujuan untuk membantu Bahagian Integriti dalam memantapkan dan memperkasakan integriti di kalangan kakitangan JKR. Peranan utama PI dan PPI adalah menyelaras semua program/aktiviti integriti di Ibu Pejabat dan juga Cawangan/Negeri.

Antara perkara yang telah dibincangkan semasa Mesyuarat yang lepas adalah:

- i) Ikrar Integriti
- ii) Taklimat Bahagian Integriti
- iii) Taklimat peranan dan tanggungjawab PI dan PPI
- iv) Pembentangan Kajian Persepsi dan hebahan berkaitan integriti dan antirasuah
- v) Pembentangan JKR Star Rating Tahun 2024
- vi) Taklimat Integriti daripada Pegawai Integriti Bertauliah

Sesi petang mesyuarat, Bahagian Integriti telah menjemput YBrs. Ir. Mohd Zamri Bin Mohamud Jurutera Daerah Hulu Langat merangkap Pegawai Integriti Bertauliah untuk menyampaikan ceramah berkaitan integriti. Intipati ceramah adalah berkenaan kesalahan rasuah dan perkongsian kes-kes tangkapan SPRM ke atas pegawai awam di Malaysia. Ianya sangat memberi impak yang besar walaupun disampaikan secara santai. Bahagian Integriti berharap supaya MPI ini dapat menjadikan PI dan PPI lebih bersemangat dalam melaksanakan peranan mereka di Cawangan/ Negeri masing-masing kelak.







